

Mara jalin kerjasama dengan UPM latih warden bendung buli

JASIN – Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membangunkan modul latihan khas bagi warden sepenuh masa di semua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) sebagai langkah membendung budaya buli.

Pengerusinya, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, inisiatif itu dibuat susulan peningkatan kes buli termasuk membabitkan gangguan mental yang semakin sukar dikenal pasti berbanding

buli fizikal.

Menurut beliau, hasil kajian dijalankan UPM mendapati pelaksanaan warden sepenuh masa dalam kalangan bekas anggota tentera di MRSM menunjukkan peningkatan dari segi akademik dan disiplin pelajar.

“Disebabkan itu kita akan bekerjasama dengan UPM, modul latihan pembangunan warden-warden ini akan dilakukan, maknanya kita akan ambil awal supaya mereka ini dilatih sebe-

lum bermula 1 Januari 2027.

“Semua 58 MRSM akan melaksanakan inisiatif ini, namun bermula Jun tahun ini kita akan laksanakan terlebih dahulu di 10 MRSM,” katanya di sini semalam.

Tambah beliau, warden berkenaan bukan sahaja berperanan memantau disiplin pelajar, malah bertindak sebagai ibu bapa dalam mendidik dan membentuk sahsiah pelajar di asrama.

“Warden-waden ini bukan hanya sekadar melihat dan me-

antau disiplin, tetapi mereka bertindak sebagai ibu dan bapa mendidik serta mentarbiah anak-anak pelajar.

“Saya harap dengan adanya perkembangan ini kita dapat mengurangkan kes buli membabitkan fizikal mahupun mental,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Mara memperuntukkan sebanyak RM650,000 bagi menaik taraf prasarana MRSM Tun Ghafar Baba selepas institusi

itu mencipta sejarah muncul sekolah terbaik SPM 2025.

Jelasnya, insentif tersebut bertujuan menambah baik kemudahan asas memandangkan MRSM berkenaan antara yang tertua dengan usia lebih lima dekad.

Menurutnya, usaha itu diharapkan mampu menjadi suntikan motivasi kepada pelajar dan guru untuk terus mencipta kecemerlangan bukan sahaja dalam akademik, malah kokurikulum.